

D459

U B151 AAB

MAHATHIR - EON

SHAH ALAM, 1 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELANCARKAN PENJUALAN KERETA NASIONAL, PROTON SAGA, SECARA BESAR-BESARAN SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA PEMBIKINAN KERETA ITU TELAH MENGEMBALIKAN MARUAH BANGSA MALAYSIA PADA PANDANGAN DUNIA.

+PROTON SAGA MELAMBANGKAN KITA SEBAGAI BANGSA YANG BERMARUAH, BANGSA YANG SANGGUP MENGHADAPI CABARAN, BANGSA YANG APABILA JATUH AKAN BANGUN SEMULA, DAN MENGATASI RINTANGAN DAN AKAN BERJAYA, + KATA PERDANA MENTERI.

SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 4,000 ORANG DI BANGUNAN IBUPEJABAT EDARAN OTOMOBIL NASIONAL (EON), YANG TURUT DIRASMIKANNYA, BELIAU BERKATA PEMBUATAN PROTON SAGA MERUPAKAN SATU LANGKAH KE ARAH MENEGAKKAN MARUAH BANGSA YANG BESAR ERTINYA KEPADA MASA DEPAN BANGSA NEGARA.

BELIAU MENYERU RAKYAT AGAR TIDAK CUBA MEMPERKECIL-KECILKAN ATAU MENGGAGALKAN USAHA-USAHA YANG TELAH DIMULAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MELETAKKAN MARUAH BANGSA MALAYSIA SETARAF DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG TELAH PESAT MEMBANGUN.

+SEBALIKNYA, BERBANGGALAH DENGANNYA, BERBANGGALAH DENGAN KEBOLEHAN KITA, BERBANGGALAH DENGAN PERMULAAN YANG TELAH KITA TEROKAI. -- LAGI

1615MST 01 09 85

MAHATHIR - EON 2 SHAH ALAM

+JIKA KITA BERJAYA BUKAN SAHAJA KITA AKAN DIHORMATI TETAPI KITA JUGA AKAN MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN DARIPADANYA.

+SEBALIKNYA, JIKA KITA GAGAL BUKAN SAHAJA KITA AKAN RUGI TETAPI DUNIA AKAN KETAWAKAN KITA. ORANG-ORANG MALAYSIA YANG BERUSAHA MENGGAGALKAN USAHA KITA INI JUGA AKAN DIKETAWAKAN OLEH DUNIA,+ UJAR DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA GEMBIRA KERANA PEMBIKINAN DAN PENJUALAN PROTON SAGA TELAH MENUNJUKKAN KEPADA PENGKRITIK-PENGKRITIK PROFESIONAL BAHAWA USAHA-USAHA YANG DIRANCANGKAN BEBERAPA TAHUN DAHULU BUKANNYA +ANGAN-ANGAN MAT JENIN+.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAGAIMANA PENGKRITIK-PENGKRITIK ITU MENERUSI KENYATAAN DALAM AKHBAR-AKHBAR TELAH MELAHIRKAN PANDANGAN YANG KURANG BAIK AKAN USAHA-USAHA KERAJAAN MENJAYAKAN INDUSTRI-INDUSTRI BESAR MENERUSI HICOM.

BELIAU BERPENDAPAT PENGKRITIK-PENGKRITIK ITU TELAH TERLAJAK KATA KERANA TANPA MEREKA SEDARI BANYAK INDUSTRI BERAT TELAH DIWUJUDKAN DI NEGARA INI DAN TELAH MENCAPAI KEJAYAAN. -- LAGI
1627MST 01 09 85

MAHATHIR - EON 3 SHAH ALAM

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMBANGUNAN INDUSTRI BERAT DI NEGARA INI AKAN MELAHIRKAN BERBAGAI-BAGAI FAEDAH SAMPINGAN DAN RANTAIAN KEPADA EKONOMI NEGARA.

KATANYA INDUSTRI-INDUSTRI BERAT BUKAN SAHAJA AKAN MEMBOLEHKAN LEBIH BANYAK SUMBER TEMPATAN DIGUNAKAN DALAM PENGELUARAN MEREKA, BAHKAN IA AKAN MEMBOLEHKAN NEGARA MENJIMATKAN PERTUKARAN ASING.

+SEKIRANYA BARANG-BARANG YANG MENGGUNAKAN MODAL YANG TINGGI INI TIDAK DIKELUARKAN DI NEGARA KITA. MAKA KITA TERPAKSA MENGIMPORNYA DARI LUAR NEGERI. PROSES INDUSTRIALISASI TIDAK AKAN LENGKAP SEHINGGA KITA MAMPU DALAM INDUSTRI BERAT.+

SELAIN ITU, KATANYA, PEMINDAHAN TEKNOLOGI BAGI SEKTOR INDUSTRI BERAT AMAT LUAS DAN MEMBOLEHKAN INDUSTRI-INDUSTRI BESI DAN KEJURUTERAAN MEWUJUDKAN ASAS UNTUK MEMAJUKAN TEKNOLOGI TEMPATAN.

HICOM, KATA PERDANA MENTERI, BUKAN SAHAJA TELAH DAPAT MELAHIRKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN, TETAPI JUGA MERUPAKAN TEMPAT BAGI PARA JURUTERA DAN AHLI-AHLI TEKNIKAL TEMPATAN MENGGUNAKAN PENGETAHUAN, MENGASAH KEMAHIRAN DAN MEMBUAT EKSPERIMEN TERHADAP IDEA BARU Masing-masing. -- LAGI
1637MST 01 09 85

D477

U B160 AAB

MAHATHIR - EON 4 SHAH ALAM

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN BAHAWA MENERUSI INDUSTRI-INDUSTRI BERAT AKAN DAPAT DICUNGKIL TEKNOLOGI PEMBINAAN DAN KEJURUTERAAN YANG UNGGUL DI SAMPING MEMBERI CABARAN YANG SEWAJARNYA KEPADA PARA JURUTERA, AHLI-AHLI SAINS DAN JURU TEKNOLOGI TEMPATAN.

BELIAU JUGA GEMBIRA KERANA MENERUSI INDUSTRI-INDUSTRI BERAT, BERTAMBAH RAMAILAH PEGAWAI TEKNIKAL MENDAPAT PELUANG MEMEGANG JAWATAN PENGURUSAN TINGGI PADA SYARIKAT-SYARIKAT INDUSTRI BERAT.

KATANYA DARIPADA PERSPEKTIF PENGAGIHAN KEKAYAAN, INDUSTRI BERAT TIDAK DITUMPUKAN DI NEGERI-NEGERI YANG MAJU SAHAJA, TETAPI SEBALIKNYA DITEMPATKAN JUGA DI NEGERI-NEGERI YANG KURANG MAJU.

KILANG-KILANG SIMEN, KERTAS DAN PALPA, BESI WAJA, KOMPLEKS PETROKIMIA DAN LAIN-LAIN DIDIRIKAN DI NEGERI-NEGERI YANG KURANG MAJU YANG AKAN DAPAT MEMBANTU MENGURANGKAN PERBEZAAN PENDAPATAN DI KALANGAN NEGERI-NEGERI ITU, TAMBAH PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA USAHA-USAHA INDUSTRIALISASI KERAJAAN TELAH DIFIKIRKAN DAN DIKAJI BERULANG-ULANG KALI SECARA MENDALAM UNTUK MENGELOKKAN KESILAPAN TETAPI +KITA HARUS INGAT BAHAWA TIADA INDUSTRI DI MANA-MANAPUN YANG TIDAK MENGALAMI KESILAPAN+. -- LAGI

1654MST 01 09 85

MAHATHIR - EON 5 SHAH ALAM

MENGENAI EON, BELIAU BERHARAP IA AKAN DAPAT MEMENUHI SEMUA PESANAN YANG DIBUAT DENGAN CEKAPNYA DAN DENGAN SECEPAT MUNGKIN SERTA MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SOKONGAN DENGAN SELENGKAP-LENGGAPNYA.

MENGENAI HARGA PROTON SAGA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA ADALAH BERPATUTAN DAN KOMPETITIF BUKAN KERANA KUALITI RENDAH TETAPI KERANA KERAJAAN INGIN MELIHAT SEBERAPA RAMAI RAKYAT MEMILIKI KERETA BUATAN MALAYSIA ITU.

BELIAU MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA HICOM, EON DAN PROTON KERANA TELAH MENGELUARKAN SEBUAH KERETA YANG BERMUTU TINGGI YANG SETANDING DENGAN KERETA-KERETA LAIN.

BELIAU JUGA YAKIN PARA PEKERJA KETIGA-TIGA SYARIKAT ITU AKAN TERUS BERKHIDMAT DENGAN SIFAT BANGGA TANPA ANGKUH DALAM MENGELUARKAN KERETA NASIONAL YANG MUTUNYA TIDAK DAPAT DIPERTIKAIKAN OLEH SESIAPA. -- BERNAMA

1734MST 01 09 85